

MINGGU 08

AURAT, IZIN SUAMI, TAHARAH DAN SOLAT



*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan kemabruran*

TALBIAH: LAFAZ & MAKNA

لَبِيْدَكَ اللَّهُمَّ لَبِيْدَكَ لَبِيْدَكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبِيْدَكَ
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ

Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu ya Allah,
Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Hamba-Mu datang
menyahut panggilan-Mu, Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu, Hamba-Mu
datang menyahut panggilan-Mu, Sesungguhnya segala puji dan nikmat
dan kerajaan adalah kepunyaan-Mu, tiada sekutu bagi-Mu.

NOTA

Bertalbiah disunatkan selepas niat hingga sebelum memulakan
Tawaf bagi Umrah dan sebelum melontar Jamrah Kubra/Tawaf Haji.

OBJEKTIF

- 1 Mengetahui had aurat lelaki dan perempuan.
- 2 Memahami maksud keizinan suami.
- 3 Mengetahui kaedah istinjaq dan wuduk.
- 4 Mengetahui syarat, rukun dan perkara-perkara yang membatalkan solat.

ISI KANDUNGAN

1

Permasalahan
Berkaitan Dengan
Aurat

2

Keizinan Suami

3

Taharah, Istinjaq
dan Wuduk

4

Solat Fardhu dan Solat
Sunat di Tanah Suci

- ▶ Solat Jenazah
- ▶ Solat Jumaat
- ▶ Solat Jama' dan Qasar



TABUNG HAJI
جى على الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

AURAT - WANITA

يَبْنِي إِادَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُم مِلَبَاسًا يُوَارِي سَوْءَاتِكُمْ وَرِيشًا وَلِبَاسٌ صَلِّ

۲۶

الْتَّقْوَىٰ ذَلِكَ خَيْرٌ ذَلِكَ مِنْ إِعْيَاتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَكَّرُونَ

“Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatNya kepada hamba-hambanya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur).”

Surah al-A'raf: ayat 26

PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

AURAT - WANITA

Pendapat Mazhab Syafi'e

Aurat Dalam Solat dan Luar Solat

Aurat wanita ialah seluruh badan kecuali muka, bahagian belakang tangan dan telapaknya.

وَلَا يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهُا ...

...dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya. (Surah an-Nur: ayat 31)

PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

AURAT - WANITA

Sabda Rasulullah S.A.W.:

لَا يَقْبِلُ صَلَاةً امْرَأَةٍ قَدْ حَاضَتْ إِلَّا بِخِمَارٍ

“Tidak diterima solat wanita haid (wanita yang telah baligh) kecuali dengan memakai khimar (pakaian yang menutup aurat dari atas kepala hingga ke kaki).”

PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

AURAT - WANITA

Tebal dan tidak jarang:

- **Kain tebal yang boleh menyembunyikan warna kulit dan yang menampakkan sifatnya.**


Pendapat Imam Syafi'e:

- **Syarat penutup aurat ialah yang tidak menampakkan warna kulit.**



PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

SYARAT-SYARAT PAKAIAN WANITA




NOTA

Sekiranya ingin memakai pakaian berwarna cerah, pastikan tebal dan tidak menampakkan bentuk badan.

PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

AURAT - WANITA



Contoh penutupan aurat yang sempurna

Tudung mestilah labuh, tidak jarang dan menutup dada


Baju mesti labuh dan longgar

Lengan baju panjang hingga ke pergelangan tangan

Kain/ seluar mesti panjang sehingga ke buku lali

Mesti memakai sarung kaki (tidak menampakkan kulit/ kuku)

Kasut yang tidak berbunyi kuat



PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

AURAT - WANITA

Aurat Wanita Semasa Tawaf




1. Menutup aurat adalah syarat sah Tawaf.
2. Sekiranya terbuka aurat secara sengaja, maka terbatal pusingan Tawaf tersebut.
3. Sekiranya terbuka dan segera ditutup, tidak dianggap terbuka aurat, maka pusingan tersebut tidak batal.
4. Sebelum Tawaf pastikan aurat tertutup dengan baik.
5. Ketika isyarat atau istilam:
 - Tangan di dalam kain telekung.
 - Memakai sarung lengan.

PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

AURAT - WANITA

Aurat Wanita Semasa Tawaf



Beberapa perkara yang perlu diambil berat seperti berikut:

1. Bawah dagu adalah aurat, pastikan ditutup.
2. Bahagian tangan (selain tapak tangan hadapan dan belakang) adalah aurat, pastikan ditutup.
3. Digalakkan memakai stoking tebal supaya menutup aurat.
4. Berhati-hati agar tidak kelihatan anak rambut di kawasan muka atau telinga sekiranya memakai kaca mata.

PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

AURAT - WANITA

Aurat Wanita Semasa Sa'ie

1. Menutup aurat tidak menjadi syarat sah Sa'ie.
2. Walau bagaimanapun berdosa jika aurat terbuka dan dilihat oleh lelaki ajnabi seperti dalam situasi berikut:
 - Semasa gunting rambut untuk bertahallul.
 - Elak dari memakai stoking yang nipis.



PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

AURAT - WANITA

Aurat Wanita Ketika Dalam Ihram

1. Batas aurat wanita bersama mahram di dalam bilik hotel, bilik air (hotel, Arafah dan Mina) serta di dalam khemah di Arafah dan Mina adalah di antara pusat hingga lutut. Walau bagaimanapun, memakai pakai sopan adalah lebih baik.
2. Aurat wanita bersama suami ialah tiada batasan.
3. Aurat wanita bersama lelaki ajnabi ialah keseluruhan tubuh kecuali muka dan tangan hingga pergelangan tangan.



PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

AURAT - LELAKI


Ketika solat: Hadnya antara pusat dan lutut. Pusat dan lutut termasuk dalam aurat.

Sabda Rasulullah S.A.W.:

عَوْرَةُ الْمُؤْمِنِ مَا بَيْنَ سُرَّتِهِ إِلَى رُكْبَتِهِ

“Aurat seorang mukmin (dalam solat)
antara pusat dan lutut.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari)



PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

AURAT - LELAKI



PERINGATAN

1. Sebaik-baiknya memakai ihram dari rumah, stesen berlepas (Tanah Air) atau hotel (Madinah).
2. Tidak disunatkan beridhtiba', **KECUALI** ketika tawaf yang diikuti dengan sa'ie selepasnya.
3. Sila berurusan di luar bilik bagi jemaah haji berlainan jantina (walaupun untuk bertemu suami atau isteri).



KEIZINAN SUAMI

KEIZINAN SUAMI

Setiap wanita yang akan bermusafir perlu mendapat keizinan dari suaminya.

إِذَا صَلَّتِ الْمَرْأَةُ حُسْنَهَا، وَصَامَتْ شَهْرَهَا، وَحَصَنَتْ فَرْجَهَا،
وَأَطَاعَتْ بَعْلَهَا دَخَلَتْ مِنْ أَيِّ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ شَاءَتْ

“Jika seorang wanita menunaikan solat 5 waktu, berpuasa pada bulannya (Ramadhan), mengawal kemaluannya (maruahnya) dan taat kepada suaminya. Masuklah dia ke dalam Syurga dari mana-mana pintu yang diakehendaki.”

[Riwayat Ibnu Hibban, no. Hadis (4163), 471/9]

KEIZINAN SUAMI

Isteri yang ingin mengerjakan Haji tanpa ditemani suami, perlu mendapat:

IZIN SUAMI


HAJI
WAJIB

HAJI NAZAR &
HAJI QADA'

HAJI
SUNAT

NOTA

Umrah juga tertakluk kepada hukum ini.



KEIZINAN SUAMI

Wanita Yang Berkahwin

Jika tiada keizinan suami, mereka perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

- ▶ Ada mahram yang menemaninya.
- ▶ Yakin aman dalam perjalanan.
- ▶ Perbelanjaan selama perjalanan adalah tanggungan sendiri:
 - Tidak menggunakan harta suaminya; dan
 - Suami tidak “memerlukannya” selama ia pergi.

NOTA

Haji yang dikerjakan tanpa izin suami, hajinya sah tapi berdosa.

KEIZINAN SUAMI

Mencari Rakan dan Wanita yang Thiqah

Mencari Rakan dan Wanita yang Thiqah

► Carilah rakan-rakan dan teman:

1. Sesuai dan boleh diharap
2. Cenderung kepada kebajikan
3. Dapat membantu menyempurnakan ibadah

► Sabda Nabi S.A.W.:

“Sebaik-baik sahabat di sisi Allah ialah orang yang terbaik terhadap temannya dan sebaik-baik tetangga di sisi Allah ialah orang yang terbaik terhadap tetangganya.”

(Hadis Riwayat Hakim)

KEIZINAN SUAMI

Wanita Dalam ‘Iddah


- ▶ **TALAQ RAJI’E** (talak satu dan talak dua) ialah talaq yang boleh dirujuk semula tanpa nikah dan mahar yang baru.
- ▶ Wanita yang dalam ‘iddah TALAQ RAJI’E wajib memohon izin suaminya.
- ▶ **TALAQ BA’IN** ialah talaq yang tidak boleh dirujuk (talaq tiga) dan talaq wanita yang tidak pernah disetubuhi suami.
- ▶ Wanita yang dalam ‘iddah TALAQ BA’IN tidak wajib memohon izin suaminya.

KEIZINAN SUAMI

Wanita Kematian Suami di Tanah Air

HARAM keluar rumah tanpa keperluan dan berhias

- ▶ Wajib baginya menangguhkan pemergian ke Tanah Suci dalam tempoh ‘iddah.
- ▶ Tempoh ‘iddah kematian suami 4 bulan 10 hari.



KEIZINAN SUAMI

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Wanita yang sedang ber'iddah kematian suami tidak dibenar menunaikan haji. Walau bagaimanapun, dia boleh meneruskan perjalanan haji sekiranya terbukti bayaran yang telah dilunaskan tidak dapat dikembalikan atau luput giliran menunaikan haji.

*RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-41.

KEIZINAN SUAMI

Wanita Kematian Suami di Tanah Suci

HARUS meneruskan kerja Haji dan Umrah

- ▶ Kurangkan keluar-masuk hotel kecuali ada keperluan (hajat).
- ▶ Menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan ibadat haji dan umrah.
- ▶ Sekiranya bimbang dan tiada jaminan keselamatan kerana berseorangan, maka boleh menunaikan solat di Masjid al-Haram, dan mengikuti program yang disusun oleh Maktab.
- ▶ Perlu menjaga adab dalam ihdad, sentiasa bersama dengan perempuan yang thiqah (boleh dipercayai).

KEIZINAN SUAMI

IHDAD (Meninggalkan perhiasan sebagai tanda berkabung)

- ▶ Tidak memakai pakaian yang berwarna yang menarik perhatian.
- ▶ Tidak memakai emas dan permata.
- ▶ Tidak memakai wangian/bauan di badan dan pakaian.
- ▶ Tidak memakai celak di mata kecuali kerana hajat.
- ▶ Tidak memakai solekan yang boleh menarik perhatian.
- ▶ Tidak memakai inai.
- ▶ Tidak memakai minyak rambut dengan tujuan hiasan dan kecantikan.
- ▶ Tidak berlebih-lebihan di media sosial.

KESIMPULAN

1. Jemaah Haji mesti memelihara aurat dalam apa keadaan sekalipun.
2. Wanita wajib meminta izin suami sebelum menunaikan Haji dan Umrah.
3. Jemaah Haji Wanita hendaklah ditemani oleh mahram, suaminya atau wanita yang Thiqah (dipercayai).
4. Wanita yang dalam ‘iddah kematian suami di Tanah Air tidak boleh menunaikan haji manakala wanita yang kematian suami di Tanah Suci boleh menunaikan haji.
5. Wanita yang diceraikan oleh suami dengan Talak Raji’e hendaklah mendapat izin dari suaminya, manakala Talak Ba’in tidak perlu meminta izin.

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

PENGERTIAN TAHARAH

Taharah ialah bersuci daripada hadas, sama ada kecil mahupun besar. Hadas kecil disucikan dengan wuduk, manakala hadas besar disucikan dengan cara mandi wajib.

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

PENGENALAN NAJIS

PENGERTIAN NAJIS

Najis ialah benda kotor pada pakaian, badan dan tempat yang menghalang daripada sahnya solat dan tawaf.

**Najis
Mukhaffafah
(ringan)**

**Najis
Mutawassitoh
(sederhana)**

**Najis
Mughallazah
(berat)**

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

KAEDAH BERISTINJAK

PENGERTIAN ISTINJAK

Istinjak ialah menghilangkan najis atau mengurangkannya dari tempat keluarnya sama ada qubul atau dubur.

Cara istinjak dengan air mutlak:
Dengan melalukan air keatasnya
sehingga hilang bau, warna
dan rasa.

Cara istijmar (selain air mutlak seperti batu, tisu):
Menyapu qubul dan dubur dengan
menggunakan benda yang kesat dan kering
sebanyak 3 kali minima seperti tisu kering.

NOTA


Jemaah hendaklah berhati-hati ketika menggunakan tandas semasa di dalam penerbangan, bas, di R&R dan di Masya'ir. Dibimbangi najis terpercik kepada pakaian.



TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

KAEDAH BERWUDUK

KAEDAH BERWUDUK



Menggunakan
air paip



Menggunakan
penyembur air*



Menggunakan
botol/cawan

*Pastikan air mengalir dan diratakan pada anggota wuduk.

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

RUKUN WUDUK

**NOTA**

WAJIB ratakan air pada anggota wuduk yang dibasuh.

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK



TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

WUDUK

MAKRUH KETIKA WUDUK

1. Membazir air.
2. Mendahulukan yang kiri.
3. Mengelap air di anggota wuduk jika tidak ada keuzuran.
4. Memukul muka dengan air (berlawanan dengan memuliakan muka).
5. Membasuh lebih daripada tiga kali atau kurang.
6. Meminta tolong orang lain supaya membasuh anggota wuduknya tanpa keuzuran (sifat takabbur).



TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

WUDUK

PERKARA YANG MEMBATALKAN WUDUK

1. Keluar sesuatu dari qubul dan dubur.
2. Tidur yang tidak tetap punggung.
3. Hilang akal kerana mabuk, pitam dan sakit (gila).
4. Menyentuh kulit lelaki/perempuan ajnabi tanpa berlapik.
5. Menyentuh kemaluan diri sendiri atau orang lain dengan tapak tangan tanpa berlapik.



TABUNG HAJI
جى على الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

DAIM AL-HADATH

Daim al-hadath ialah orang yang sentiasa berhadas

Syarat-syarat wuduk daim al-hadath:

Hukum asal daim al-hadath hendaklah menyucikan najis tersebut dan berwuduk setelah masuk waktu. Satu wuduk untuk satu solat fardhu dan beberapa amalan sunat.

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Jemaah haji yang mengalami daim al-hadath boleh mengambil pandangan mazhab Maliki iaitu:

1. Membersihkan najis dan boleh mengambil wuduk sebelum masuk waktu solat.
2. Meneruskan solat dengan wuduk yang sama selagi ia tidak terbatal oleh lain-lain perkara yang membatalkan wuduk.
3. Memperbaharui wuduk itu adalah sunat sahaja

*RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-39.

NOTA

Pandangan ini digunakan ketika Jemaah Haji berada dalam masyaqqah (kesukaran).



TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

DAIM AL-HADATH

Lafaz niat wuduk
daim al-hadath

نَوِيْتُ أَلْوَضْوَعَ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku berwuduk kerana Allah Ta'ala

Perkara-perkara yang membatalkan wuduk daim al-hadath:

1. Perkara asas yang membatalkan wuduk.
2. Apabila najis meleleh dari tuala wanita/lampin/apa-apa yang digunakan untuk menahan najis daripada meleleh keluar dan mengenai pakaian.

NOTA

1. Pelaksanaan solat seseorang yang mengalami daim al-hadath – solat duduk jika perlu.
2. Pelaksanaan tawaf seseorang yang mengalami daim al-hadath – menaiki kenderaan (kerusi roda, buggy dan sebagainya).



TABUNG HAJI
جِعلَ الفَلَاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

DAIM AL-HADATH

Contoh masalah daim al-hadath:

1. Mengalami masalah kencing tak lawas.
2. Mengalami masalah sentiasa keluar angin (sama ada dari jalan depan atau belakang).
3. Istihadah yang tidak berhenti.
4. Mengalami penyakit keputihan yang berlebihan.
5. Buasir yang terkeluar.

TAHARAH, ISTINJAK DAN WUDUK

SAHIB AL-JABIRAH

SAHIB AL-JABIRAH

Sahib al-Jabirah bermaksud orang yang ada balutan, tampalan atau simen yang diletakkan pada anggota wuduk kerana keperluan perubatan seperti orang yang disimen kerana patah tulang dan orang yang dibalut kerana luka balutan atau tempelan tersebut menghalang air sampai ke kulit.

Cara berwuduk sahib al-Jabirah:

1. Membasuh atau menyapu air pada anggota wuduk yang tidak berbalut.
2. Menyapu air pada balutan.

NOTA

Hukum solat sahib al-Jabirah - digalakkan mengulangi solat (al-I'adah).
Muzakarah Haji ke-20 Tahun 2004.



SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

PENGENALAN SOLAT

PENGERTIAN SOLAT

Satu ibadat khusus yang menghubungkan hamba dengan Tuhan mengandungi beberapa perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbir dan disudahi dengan salam.

٤٣

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَإِذَا أَنْزَكْتُمْ رَحْمَةً مَعَ الرَّأْكِعِينَ

Dalil Kewajipan solat:

“Dan dirikanlah kamu akan solat dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang yang rukuk.”

(Surah al-Baqarah: ayat 43)

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

SYARAT SAH SOLAT

Suci dari hadas kecil dan besar

1

Tiada najis pada tubuh, pakaian & tempat solat

2

Menutup aurat

3

Telah masuk waktu solat

4

Menghadap kiblat

5

Rujuk: Al-Bahr al-Wafi, halaman 16-65.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

MASA HARAM SOLAT SUNAT (WAKTU TAHRIM) KECUALI DI TANAH HARAM MAKKAH

1. Sesudah solat subuh sehingga syuruk.
2. Waktu matahari naik selepas syuruk anggaran 28 minit selepas syuruk.
3. Waktu istiwa' (matahari tegak atas kepala) sehingga gelincir matahari – anggaran 1 minit 4 saat.
4. Sesudah solat asar sehingga maghrib.
5. Waktu matahari hendak terbenam.

* Seandainya solat yang didahului oleh sesuatu sebab, maka ia tidaklah dilarang. Contohnya sunat tahiyyah al-masjid, sunat wuduk dan sebagainya.

RUKUN SOLAT 13 PERKARA



SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

Sunat Ab'adh

1. Duduk, membaca tahiyyat awwal dan selawat ke atas Nabi S.A.W..
2. Membaca selawat ke atas keluarga Nabi selepas membaca tahiyyat akhir.
3. Membaca doa qunut ketika i'tidal rakaat kedua solat subuh.

NOTA

- Sekiranya meninggalkan sunat Ab'adh, Jemaah disunatkan melakukan sujud sahw.
- Makmum mesti mengikuti imam di mana sahaja dia berada.

Sunat Hai'ah

Sunat Hai'ah itu banyak di antaranya:

1. Mengangkat tangan ketika takbiratul ihram, rukuk, i'tidal dan bangun dari tahiyyat awwal.
2. Meletak tangan kanan di atas tangan kiri ketika berdiri.
3. Melihat tempat sujud.
4. Membaca doa iftitah.
5. Membaca isti'azah sebelum membaca surah al-Fatiyah.
6. Menyebut amin (آمين) selepas membaca surah al-Fatiyah.
7. Takbir intiqalat.



TABUNG HAJI
جِعلَ الفَلَاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

PERKARA MAKRUH DALAM SOLAT

1. Memalingkan kepala ketika solat, kecuali kerana keperluan.
2. Mendongak ke atas.
3. Bermain-main dengan mana-mana anggota badan.
4. Hujung baju disingsing ketika solat.
5. Rambut terikat ketika solat bagi lelaki.
6. Solat dalam keadaan lapar ketika makanan telah dihidangkan.
7. Solat ketika menahan kentut, kencing dan air besar.
8. Solat dalam keadaan terlalu mengantuk.
9. Solat di tempat berikut: bilik air, kawasan perkuburan, gereja, tempat sampah, tempat unta duduk dan pasar.

*Rujuk: *Fiqh Manhaji jilid 1 muka surat 194-198.*

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

PERKARA YANG MEMBATALKAN SOLAT

1. Bercakap dengan sengaja.
2. Perbuatan atau pergerakan yang banyak.
3. Baju atau badan yang terkena najis.
4. Aurat terbuka.
5. Makan dan minum.
6. Berhadas sebelum salam yang pertama.
7. Berdehem, ketawa, menangis dan mengerang sakit.
8. Mengubah niat.
9. Membelakangkan kiblat dengan sengaja.

*Rujuk: *Fiqh Manhaji* jilid 1 muka surat 202-205.

NOTA

Memandang Kaabah semasa solat dihukumkan makruh.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

SOLAT JENAZAH

► SOLAT JENAZAH

- Hukum: Fardhu Kifayah.
- Biasa ditunaikan selepas selesai solat fardhu.
- Wanita juga boleh menunaikan solat jenazah berjemaah bersama-sama dengan lelaki.

► RUKUN SOLAT JENAZAH

- Niat mendirikan solat jenazah.
- Berdiri bagi yang berkuasa.
- Empat kali takbir.
- Memberi salam.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

RUKUN SOLAT JENAZAH

► Lafaz niat solat jenazah:

أُصَلِّي عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ أَرْبَعَ تَكْبِرَاتٍ فَرْضَ الْكِفَايَةِ مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

Lafaz

Sahaja aku solat atas mayat ini, 4 takbir fardhu kifayah, makmum, kerana Allah Ta'ala.

► Membaca al-Fatihah selepas takbir yang pertama

► Berselawat selepas takbir ke-2, sekurang-kurangnya:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

RUKUN SOLAT JENAZAH

- Berdoa bagi mayat selepas takbir ke-3 sekurang-kurangnya:

(Jika Mayat Lelaki) اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ

(Jika Mayat Wanita) اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا وَعَافِهَا وَاعْفُ عَنْهَا

(Jika Mayat Ramai) اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ

- Salam selepas takbir ke-4: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

SOLAT JUMAAT

NIAT SOLAT JUMAAT

Lafaz

أَصَلَّى فَرْضَ الْجُمُعَةِ رَكْعَتَيْنِ أَدَاءً مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku solat fardhu Jumaat dua rakaat
mengikut imam tunai kerana Allah Ta'ala.

NOTA

- Di Tanah Suci, azan pertama pada hari Jumaat dilaungkan setengah jam sebelum masuk waktu.
- Jemaah tidak boleh menuaikan solat sunat Qabliyyah dan solat zuhur pada waktu tersebut sebab belum masuk waktu.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

SOLAT JUMAAT (WANITA)

Sabda Rasulullah S.A.W.:

“Solat jumaat itu wajib dikerjakan oleh tiap-tiap orang Islam dengan berjemaah, kecuali empat (4) jenis manusia: hamba sahaya yang dimiliki, perempuan, anak-anak dan orang yang sakit.”

(Hadis Riwayat Abu Daud & Hakim)

Kesimpulan:

- Wanita tidak wajib solat Jumaat.
- Jika mereka solat juga, hendaklah duduk di kawasan yang ditetapkan.
- Selesai solat Jumaat, wanita tidak perlu solat zuhur.
- Lebih afodal solat zuhur di kediaman sendiri.



TABUNG HAJI
جى على الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

SOLAT JUMAAT



Berdasarkan pandangan mazhab Maliki dan Hanbali;

Jemaah haji boleh menunaikan Solat Jumaat mengikut imam di Masjid al-Haram ketika kesesakan sehingga terhalang dan menyebabkan terputus saf yang melebihi 300 hasta (135 meter) asalkan mereka mendengar secara langsung suara imam atau mengetahui pergerakan imam dari satu rukun ke satu rukun yang lain.

Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke-39 Musim Haji 1444H/2022M.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

Pengertian makmum masbuq dan muwafiq:

MASBUQ

Makmum yang tidak sempat membaca al-Fatiyah sebelum imam rukuk. Tidak wajib menyempurnakan bacaan surah al-Fatiyahnya, hanya baca sekadar yang dapat dan dikehendaki rukuk bersama-sama dengan imam.

MUWAFIQ

Makmum yang sempat menyempurnakan bacaan surah al-Fatiyah sebelum imam rukuk dengan bacaan yang sederhana (pertengahan).



TABUNG HAJI
جى على الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

SYARAT MENGIKUT IMAM

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Adalah diharuskan solat berjemaah dengan berimam kepada imam Masjid al-Haram di surau yang mana hotelnya bersambung dengan dataran atau kawasan Masjid al-Haram. Keharusan ini terpakai ketika zahmah qaswa (sangat sesak) seperti waktu kemuncak haji dan solat Jumaat. Walaupun begitu, digalakkan turun untuk solat bersama imam di masjid dan bukanlah di hotel.

*RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-35.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

SYARAT MENGIKUT IMAM

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Ketika keadaan yang sangat sesak di Masjid al-Haram seperti waktu kemuncak haji dan solat Jumaat, diharuskan solat berjemaah di surau hotel dengan berimam kepada Imam Masjid al-Haram. Keharusan ini dengan dua syarat:

- a. Hotelnya bersambung dengan dataran Masjid al-Haram; dan
- b. Ketika berdiri, Jemaah di surau hotel dapat melihat orang yang sedang solat berjemaah di dalam Masjid al-Haram atau di datarannya.

*RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-40.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

SYARAT MENGIKUT IMAM

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Bagi hotel yang tidak memenuhi syarat (a) dan (b) di atas, juga diharuskan solat berjemaah di surau hotel itu dengan berimam kepada Imam Masjid al-Haram jika memenuhi dua syarat berikut:

- a. Orang-orang yang berdiri solat di surau hotel itu dapat melihat orang yang sedang bersolat Jemaah mengikut Imam Masjid al-Haram di jalan atau kaki lima; dan
- b. Orang-orang bersolat di jalan atau di kaki lima itu berada di saf-saf yang bersambungan hingga ke Masjid al-Haram.

Walaupun diharuskan solat di surau hotel berimamkan Imam di Masjid al-Haram dalam situasi yang dinyatakan di atas, adalah lebih afdal untuk turun berjemaah bersama Imam di kawasan masjid berbanding solat di surau hotel.

*RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-40.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

SOLAT JAMA', QASAR & SOLAT HORMAT WAKTU

1. Jemaah boleh melaksanakan solat secara jama' dan qasar semasa dalam perjalanan dari tanah air ke tanah suci ataupun perjalanan dari Makkah ke Madinah atau sebaliknya.
2. Apabila jemaah sampai di tempat bermukim (4 hari 3 malam), mereka tidak dibolehkan untuk menunaikan solat secara jama' atau qasar.
3. Jemaah harus melakukan solat hormat waktu sekiranya tiada kemudahan atau kemampuan untuk bersuci atau berhalangan menggunakan air.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

SOLAT HORMAT WAKTU

- Solat fardhu yang didirikan oleh orang yang tidak ada kemudahan atau kemampuan untuk bersuci atau berhalangan menggunakan air atau debu (faqid al-tahurayn).
- Solat ini ditunaikan kerana menghormati waktu solat dalam masanya.
- Hanya boleh dilakukan secara jama' ta'khir dan qasar.
- Wajib mengulangi solat tersebut apabila dia memperolehi kemudahan atau kemampuan untuk bersuci atau tiada berhalangan menggunakan air jika waktu solat masih ada.
- Wajib qada' (ganti) jika waktu solat telah luput.
- Jika jemaah tersebut masih dalam musafir harus qada' solat secara jama' dan qasar tetapi apabila telah sampai ke rumah perlu qada' solat tersebut secara sempurna.

*Rujuk: *Fiqh Ibadat Tabung Haji*.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

SOLAT HORMAT WAKTU

SITUASI HARUS UNTUK MENUNAIKAN SOLAT FARDHU SECARA HORMAT WAKTU

1. Semasa berada dalam kapal terbang pulang dari Tanah Suci dan jemaah tidak mampu menghadap ke arah kiblat.
2. Dalam perjalanan menuju ke Arafah, apabila jemaah haji keluar dari bangunan penginapan selepas menunaikan solat zuhur dan tiba di Arafah selepas masuknya waktu maghrib. Harus untuk menunaikan solat fardhu asar secara hormat waktu.
3. Ketidaaan air untuk bersuci dan debu untuk bertayammum.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

SOLAT JAMA' DAN QASAR

PENGERTIAN SOLAT JAMA' DAN QASAR

SOLAT QASAR

Solat Qasar bermaksud memendekkan bilangan rakaat bagi solat zuhur, asar dan isyak. Ia ditunaikan secara 2 rakaat sahaja.

SOLAT JAMA'

Solat Jama' bermaksud menghimpunkan solat zuhur dengan asar dan solat maghrib dengan isyak.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

SOLAT JAMA' DAN QASAR

Syarat Sah Solat Qasar

- 1 Perjalanan itu hendaklah diharuskan oleh syarak.
- 2 Jarak perjalanan dari tempat asal ke destinasi adalah dua marhalah atau lebih (81 km).
- 3 Berniat solat qasar ketika takbiratul ihram.
- 4 Tidak menjadi makmum kepada orang yang solat tamam.
- 5 Solat yang diqasar adalah solat yang 4 rakaat.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

SOLAT JAMA' DAN QASAR

JAMA' TAQDIM

Jama' Taqdim ialah menghimpunkan solat zuhur dan asar dalam waktu zuhur atau menghimpunkan solat maghrib dan isyak dalam waktu maghrib.

Syarat Sah Jama' Taqdim:

1. Hendaklah mendahulukan solat pertama dari solat yang kedua.
Contohnya mendirikan solat zuhur kemudian solat asar.
2. Berniat jama' taqdim dalam solat pertama sebelum memberi salam.
3. Berturut-turut antara kedua solat yang dijama'kan.
4. Berkekalan perjalanan sehingga takbiratul ihram solat yang kedua.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

SOLAT JAMA' DAN QASAR

JAMA' TA'KHIR

Menghimpunkan solat zuhur dan asar dalam waktu asar atau menghimpunkan solat maghrib dan isyak pada waktu isyak.

Syarat Sah Jama' Ta'khir:

1. Berniat jama' pada waktu pertama iaitu zuhur atau maghrib.
2. Berkekalan perjalanan sehingga memberi salam solat yang kedua.

*Rujuk: *Fiqh Ibadat Tabung Haji* muka surat 167-168.



SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

SOLAT JAMA' DAN QASAR

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Semasa perjalanan Makkah/Madinah/Jeddah/Malaysia, Jemaah haji boleh solat jama' dan qasar. Namun jika ada masalah tidak boleh solat jama' dan qasar dalam perjalanan, Jemaah haji boleh jama' ta'khir secara tamam apabila sampai di destinasi. Ini berdasarkan pendapat Mazhab Hanbali yang membolehkan jama' ta'khir di destinasi, jika dia masih dalam keadaan musafir semasa tamat waktu pertama.

*RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-39.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

ISU-ISU BERKAITAN SOLAT DI MASYA'IR

1

Harus jama' solat fardhu di Arafah,
Muzdalifah dan Mina

2

Solat hendaklah disempurnakan secara
tamam (tidak qasar)

3

Sebab diharuskan jama' kerana masyaqqah
(kemudahan asas wuduk dan tandas yang
terhad) dan hajat (keperluan)



TABUNG HAJI
جى على الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

Tertib Cara Pelaksanaan Solat Fardhu dan Sunat Semasa Menunaikan Solat Jama'

**Solat Fardhu
Zuhur dan Asar**

**Solat Sunat
Qabliyyah Asar**

1

2

3


4

**Solat Sunat
Qabliyyah Zuhur**

**Solat Sunat
Ba'diyyah Zuhur**

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

Tertib Cara Pelaksanaan Solat Fardhu dan Sunat Semasa Menunaikan Solat Jama'



KESIMPULAN

1

Setiap Jemaah Haji, sama ada lelaki mahupun wanita, wajib menjaga aurat mengikut ketetapan syarak sepanjang tempoh ibadat Haji.

2

Bagi jemaah haji wanita, keizinan daripada suami perlu diperoleh bergantung kepada jenis ibadat dan perjalanan yang akan dilalui.

3

Beristinjak dan berwuduk dengan sempurna amat penting bagi memastikan kebersihan dan kesucian diri terpelihara untuk menunaikan ibadat dengan sah dan sempurna.

4

Para jemaah perlu memahami dan menjaga syarat sah, rukun serta perkara-perkara yang membatalkan solat bagi memastikan ibadat diterima oleh Allah S.W.T..



MINGGU

08

Aurat, Izin Suami, Taharah Dan Solat

DOA MOHON HAJI YANG MABRUR

اللَّهُمَّ اجْعِلْهُ حَجَّاً مَبْرُورًا وَذَنْبًا مَغْفُورًا وَسَعْيًا
مَشْكُورًا وَعَمَلاً صَالِحًا مَقْبُولاً وَتَحْمَارَةً لَنْ تَبُورَ



Ya Allah, Ya Tuhan kami kurniakanlah haji yang mabrur dan ampunkanlah dosa-dosa hamba dan pekerjaan haji yang dipuji, amalan soleh yang diterima dan perniagaan yang tidak merugikan.

SEMOGA SEMUA BAKAL JEMAAH HAJI YANG DIKASIH
DIBERIKAN OLEH ALLAH S.W.T.
KESABARAN & KETENANGAN
serta didoakan mendapat sebaik-baik
GANJARAN

*Haji Yang Mabrur &
Umrah Yang Maqbulah*

